



04 APR, 2025

Penduduk buntu, rayu penempatan baharu

Utusan Malaysia, Malaysia



Penduduk buntu, rayu penempatan baharu

SUBANG JAYA: Penduduk Taman Harmoni, Putra Heights buntu tiada tempat berteduh selepas kediaman mereka terbabit dalam kebakaran paip gas, Selasa lalu.

Penduduk, Robin Yeoh Jin Ghee, 46, hilang arah dan tidak tahu apa yang patut dilakukan selepas kediamannya musnah 90 peratus.

Dia yang sudah menetap di kawasan itu sejak 15 tahun lalu berkata, rumahnya paling terjejas berikutan sangat dekat dengan tempat kebakaran.

"Nak bina semula rumah pun tak tahu sama ada boleh atau tidak," katanya ditemui di sini semalam.

Robin menumpang di rumah kakaknya sementara mencari jalan keluar meneruskan kehidupan.

"Saya masih ada 15 tahun lagi untuk bayar pinjaman rumah ini. Nak beli rumah baharu memang tak mampu."

"Nak menyewa pun beban be-

sar, jadi saya harap ada subsidi atau bantuan untuk kami yang hilang segalanya," katanya.

Mangsa, Chan Weng Hoi, 64, turut bimbang akan masa depannya selepas kediamannya mengalami kerosakan teruk.

"Kalau banding dengan rumah lain, rumah saya masih baik, tetapi tetap ada kerosakan, siling runtuh, tingkap pecah, elektrik tak ada dan air bocor," ujarnya.

Dia yang kini menumpang di rumah anaknya, mengakui ragu-ragu untuk kembali ke kediamannya di Putra Heights.

"Kalau berlaku lagi macam mana? Saya ada satu rumah sahaja. Kalau kerajaan kata boleh tinggal, saya ikut. Tapi hati saya tak tenang."

"Kami perlukan rumah sementara dan perlukan kepastian, apakah rancangan seterusnya untuk kami?," katanya.

Chan berharap kerajaan tampil

dengan penyelesaian lebih jelas mengenai masa depan penduduk, terutama berkaitan aspek keselamatan dan bantuan perumahan.

Seorang lagi mangsa yang mahu dikenali sebagai Francis, 63, berasa serba salah kerana kediamannya mengalami kerosakan kecil tetapi masih menimbulkan kebimbangan.

"Kami perlukan penilaian menyeluruh sebelum buat keputusan," jelasnya.

Dia berharap pihak bomba dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dapat menjalankan pemeriksaan rapi bagi memastikan keselamatan mereka sebelum kembali ke rumah masing-masing.

"Selagi belum masuk dan belum guna rumah ini, kami tak yakin untuk menghuninya semula."

"Kami bukan sekadar perlukan rumah, kami perlukan rasa selamat untuk kembali meneruskan hidup," katanya.